

# AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984 [AKTA 301]

DISEDIAKAN OLEH:


HELEN RAPAT@JOHNY

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI

# PENGENALAN

- **Objektif:** Akta ini diperkenalkan bagi mengawal pengeluaran lesen mesin cetak serta permit penerbitan untuk pelbagai media cetak termasuklah akhbar parti politik dan akhbar harian. Akta ini mempunyai beberapa garis panduan bertujuan mengawal segala kandungan penerbitan supaya tidak menyinggung perasaan orang lain, mengelirukan masyarakat melalui kenyataan yang tidak benar, memudaratkan keselamatan negara dan menggugat keharmonian negara dengan menyentuh isu perkauman.
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah suatu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- Akta ini terbahagi kepada 5 Bahagian.





## ISI KANDUNGAN

- BAHAGIAN I – PERMULAAN
- BAHAGIAN II – PELESENAN MESIN CETAK
- BAHAGIAN III – PERMIT UNTUK MENERBITKAN AKHBAR
- BAHAGIAN IV – KAWALAN HASIL PENERBITAN YANG TIDAK DIINGINI
- BAHAGIAN V - PELBAGAI



# BAHAGIAN I – PERMULAAN (SEKSYEN 1-2)

**SEKSYEN 1 – TAJUK RINGKAS** – Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

## **SEKSYEN 2 – TAFSIRAN –**

“dokumen” ertinya apa-apa kertas, kad atau bahan lain atau benda yang ada padanya dicetak, ditaip, ditulis atau ditandakan, huruf, angka, tanda, majalah bergambar atau apa-apa gambaran lain yang boleh dilihat dan termasuklah akhbar, buku dan risalah;

“orang” termasuklah pertubuhan perbadanan atau pertubuhan tak diperbadankan;

“Pegawai Berkuasa” bermaksud mana-mana Pegawai Polis, seseorang Pegawai Kastam, Pegawai Jabatan Perkhidmatan Pos dan mana-mana pegawai awam lain yang ditetapkan oleh Menteri sebagai pegawai berkuasa bagi maksud Akta ini;

# SEKSYEN 2 – TAFSIRAN (SAMB...)

“penerbitan” termasuklah –

- (a) dokumen, akhbar, buku dan majalah berkala;
- (b) semua bahan bertulis atau bercetak dan segala-galanya sama ada sifatnya yang serupa dengan bahan bertulis atau bercetak atau tidak mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat;
- (c) apa-apa jua cara yang mengikut rupa, bentuknya atau dengan apa jua cara boleh membayangkan kata-kata atau idea; dan
- (d) Rakaman suara;

“hasil penerbitan larangan” bermaksud apa-apa hasil penerbitan yang telah dilarang di bawah subseksyen 7(1) dan termasuk apa-apa salinan, penghasilan semula, cabutan atau apa-apa terjemahan, ringkasan karangan atau parafrasanya.

## BAHAGIAN II – PERLESENAN MESIN CETAK (SEKSYEN 3-4)

### SEKSYEN 3 – LESEN UNTUK MENGGUNAKAN MESIN CETAK

ss. 3(1) – Tiada seorangpun boleh menyimpan untuk digunakan atau menggunakan mesin cetak melainkan jika dia telah diberi lesen di bawah subseksyen (3).

ss. 3(2) – Bagi maksud seksyen ini, “mesin cetak” ertinya mesin, perkakas atau benda untuk mencetak, menyalin atau menghasil semula apa-apa dokumen yang diperihalkan dalam Jadual I.

Jadual I – Ceparas, Litografi, Gravur, Intaglio atau apa-apa proses percetakan lain yang boleh mencetak dengan kadar 1,000 teraan sejam atau lebih.

## SEKSYEN 3 – LESEN UNTUK MENGGUNAKAN MESIN CETAK (SAMB...)

ss. 3(3) – Menteri boleh memberi mana-mana orang lesen bagi menyimpan mesin cetak untuk digunakan atau menggunakan mesin cetak selama tempoh yang ditetapkan dalam lesen. Menteri juga boleh menolak mana-mana permohonan untuk mendapatkan lesen, membatalkan atau menggantung lesen selama suatu tempoh yang difikirkannya mustahak.

ss. 3(4) – Mana-mana orang yang menyimpan untuk digunakan atau mengguna mesin cetak tanpa lesen sah yang diberi di bawah subseksyen (3), atau melanggar dengan mana-mana syarat yang dikenakan di dalamnya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya dan deposit yang disimpan di bawah seksyen 10 boleh dilucuthakkan.

## SEKSYEN 3 – LESEN UNTUK MENGGUNAKAN MESIN CETAK (SAMB...)

ss. 3(5) – Mahkamah boleh memerintahkan supaya mesin cetak yang digunakan tanpa lesen dilucut hak walaupun tiada seorang pun disabitkan atas suatu kesalahan. Jika tiada pendakwaan, maka mesin cetak itu boleh dilupuskan mengikut seksyen 19.

ss. 3(6) – Bagi maksud seksyen ini, pemunya, penduduk atau mana-mana orang yang mempunyai penjagaan atau pengurusan atau membantu dalam pengurusan mana-mana premis dalam mana mesin cetak itu dijumpai hendaklah disifatkan telah menyimpannya untuk digunakan sehingga dia membuktikan sebaliknya.

ss. 3(8) – Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh meliputi perteraan apa-apa ukiran atau pencetakan apa-apa kad kunjungan atau kad niaga, kepala bil atau kepala surat, atau apa-apa jua surat, memorandum atau dokumen, yang ditaip, dicetak, atau dihasil semula mengikut perjalanan biasa perniagaan, iaitu bukannya perniagaan percetakan atau penerbitan, atau bagi apa-apa jua tujuan atau maksud lain yang sah.



## SEKSYEN 4 – MESIN CETAK YANG DIGUNAKAN BAGI MAKSUD YANG MENYALAHHI UNDANG-UNDANG

ss. 4(1) – Mana-mana orang yang mencetak atau menghasilkan atau menyebabkan atau membenarkan dicetak atau dihasilkan mengguna mesin cetak atau mesinnya apa-apa hasil penerbitan atau dokumen –

- (a) yang lucah atau selainnya bertentangan dengan kesopanan awam; atau
- (b) yang mengandungi perkara pengapian terhadap orang atau harta, menggalakkan pencabulan undang-undang atau terhadap apa-apa perintah yang sah di sisi undang-undang atau yang melakukan pecah keamanan atau yang mungkin membawa kepada pecah keamanan atau menggalakkan perasaan niat jahat, perseteruan, permusuhan, kebencian, ketidakharmonian, atau pecah belah,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

## SEKSYEN 4 – MESIN CETAK YANG DIGUNAKAN BAGI MAKSUD YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG (SAMB...)

ss. 4(2) – Walaupun terdapat mana-mana undang-undang yang berlawanan, mana-mana mesin cetak atau mesin yang digunakan untuk mencetak apa-apa hasil penerbitan atau dokumen yang menjadi hal perkara sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) atau apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual II boleh diperintahkan supaya dilucut hak oleh mahkamah walaupun tiada seorangpun disabitkan atas sesuatu kesalahan.

## BAHAGIAN III – PERMIT UNTUK MENERBITKAN AKHBAR (SEKSYEN 5-6)

### SEKSYEN 5 – KESALAHAN UNTUK MENCETAK, MENGIMPORT, MENERBIT DSB. AKHBAR TANPA PERMIT

ss. 5(1) – Tidak boleh mencetak, mengimport, menerbit, menjual, mengeliling atau mengedar atau menawar untuk menerbitkan, menjual, mengelilingi atau mengedar akhbar yang dicetak di Malaysia atau Singapura melainkan jika permit di bawah perenggan 6(1)(a) dan (b) telah diberi oleh Menteri.

ss. 5(2) – Mana-mana orang yang –

- (a) mencetak apa-apa akhbar tanpa permit, atau permit dibatalkan, atau permit digantung;
- (b) mengimport, menerbit, menjual, dsb. akhbar yang dicetak di Malaysia atau Singapura tanpa permit, atau permit dibatalkan, atau permit digantung,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun, atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

# SEKSYEN 6 – PEMBERIAN PERMIT

ss. 6(1) – Menteri boleh memberi –

- (a) permit untuk mencetak dan menerbitkan akhbar di Malaysia, atau
- (b) membenarkan mana-mana tuan punya akhbar di Singapura mengeksport, menjual dan mengedar akhbarnya di Malaysia.

ss. 6(2) – Menteri boleh membatalkan atau menggantung sesuatu permit pada bila-bila masa sahaja selama sesuatu tempoh yang difikirkannya wajar.

- Kegagalan untuk mendapatkan permit di bawah ss. 6(1) merupakan kesalahan dan jika disabitkan, akan dikenakan hukuman di bawah ss. 5(2).

# BAHAGIAN IV – KAWALAN HASIL PENERBITAN TIDAK DIINGINI (SEKSYEN 7-9A)

## **SEKSYEN 7 – HASIL PENERBITAN TIDAK DIINGINI**

ss. 7(1) – Sekiranya Menteri berpuas hati bahawa apa-apa hasil penerbitan itu (sama ada hasil penerbitan itu adalah keluaran tempatan mahupun asing) mengandungi apa-apa perkara yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, atau yang melanggar mana-mana undang-undang, dia boleh menurut budi bicaranya yang mutlak melarang sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan terhadap sesuatu penerbitan itu.



# SEKSYEN 8 - KESALAHAN

ss. 8(1) – Mana-mana orang yang didapati memiliki apa-apa hasil penerbitan larangan tanpa sebab-sebab yang munasabah, jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM5,000.

ss. 8(2) – Mana-mana orang yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluarkan, mengeliling, menawarkan untuk dijual, mengedar atau ada dalam milikannya bagi apa-apa jua maksud seperti itu apa-apa hasil penerbitan larangan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

## SEKSYEN 8A – KESALAHAN KERANA MENYIARKAN BERITA YANG TIDAK BENAR

ss. 8A(1) – Jika dalam apa-apa hasil penerbitan ada disiarkan dengan niat jahat apa-apa berita yang tidak benar, maka pencetak, penerbit, penyunting dan penulis berita itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

ss. 8A(2) - “dianggap ada niat jahat” sekiranya tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa sebelum penerbitannya tertuduh telah mengambil langkah yang munasabah untuk menentusahkan kebenaran berita itu.

# SEKSYEN 8B – PENGHARAMAN HASIL PENERBITAN

Pendakwa raya boleh memohon kepada Mahkamah jika mana-mana orang didapati bersalah supaya diharamkan hasil penerbitan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan dari penerbitan itu.

## SEKSYEN 8C – PENGGANTUNGAN HASIL PENERBITAN

ss. 8C(1) – Sementara menanti selesainya apa-apa prosiding bagi pendakwaan pencetak, penerbit, penyunting atau penulis di hadapan mana-mana mahkamah kerana apa-apa kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam apa-apa hasil penerbitan, adalah sah bagi mahkamah, atas permohonan Pendakwa Raya, memerintahkan supaya hasil penerbitan itu digantung.

ss. 8C(2) – Jika rayuan dibuat terhadap perintah pembebasan mana-mana orang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan apa-apa jua yang disiarkan dalam apa-apa hasil penerbitan, adalah sah bagi mahkamah yang akan mendengar rayuan itu, atas permohonan Pendakwa Raya, memerintahkan supaya hasil penerbitan itu digantung selanjutnya sementara menanti pemberesan muktamad rayuan itu.

ss. 8(3) – Mana-mana orang yang melanggar sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya.

## SEKSYEN 9 – HASIL PENERBITAN TIDAK DIINGINI BOLEH DITOLAK DARIPADA DIIMPORT

ss. 9(1) – Menteri boleh menolak pengimportan atau menahan penghantARSERAHAN atau mengembalikan hasil penerbitan tidak diingini yang memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

ss. 9(2) – Walau bagaimanapun, Menteri boleh membenarkan pengimportan atau penyerahhantaran apa-apa hasil penerbitan setelah mana-mana bahagian daripada hasil penerbitan yang difikirkannya tidak diingini telah dihapus, dipotong, dipadam atau dibuangkan hingga memuaskan hatinya.



## SEKSYEN 9A – MENAHAN PENGHANTARSERAHAN SEMENTARA MENANTI KEPUTUSAN MENTERI

Jika seseorang pegawai kanan berkuasa dengan munasabahnya mengesyaki bahawa sesuatu hasil penerbitan mengandungi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara, dia boleh menahan penghantarserahan hasil penerbitan itu sementara menanti keputusan Menteri untuk memperlakukannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 9.

# BAHAGIAN V – PELBAGAI (SEKSYEN 10-27)

## **SEKSYEN 10 - DEPOSIT**

Menteri boleh mengkehendaki seseorang yang diberi lesen atau permit di bawah Akta ini untuk mendepositkan kepada Kerajaan suatu jumlah sebagai cagaran. Deposit tersebut boleh dilucuthak dengan perintah Mahkamah sekiranya berlaku pelanggaran terhadap mana-mana syarat lesen itu.

## **SEKSYEN 11 – DOKUMEN BER CETAK HENDAKLAH MENGANDUNGI NAMA PENCETAK DAN PENERBIT**

ss. 11(1) – Setiap hasil penerbitan hendaklah mempunyai nama dan alamat pencetak dan penerbitnya dengan mudah dibaca sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

ss. 11(2) – Sekiranya syarat ini dilanggar, jika disabitkan kesalahan, seseorang itu boleh dikenakan penjara tidak melebihi 1 tahun, atau denda tidak melebihi RM5,000 atau kedua-duanya.

# SEKSYEN 13 – PEMBATALAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMINDAHAN LESEN ATAU PERMIT

ss. 13(1) – Jika Menteri berpuas hati bahawa mana-mana mesin cetak digunakan untuk mencetak mana-mana hasil penerbitan yang memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara atau bahawa mana-mana akhbar yang berkenaan dengannya permit telah dikeluarkan mengandungi apa-apa jua yang memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara, dia boleh membatalkan lesen atau permit mesin cetak itu.

ss. 13(2) – Tertakluk kepada ss. (3), lesen atau permit tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak kepada orang lain kecuali dengan kebenaran Menteri. Mana-mana pemegang lesen atau yang melanggar ss. (2) lesen atau permit itu boleh dibatalkan atau digantung.

ss. 13(3) – Menteri boleh membenarkan lesen atau permit dipindahkan sekiranya berlaku kematian, ketidakupayaan, kebangkrapan dsb..

# SEKSYEN 13A – KEPUTUSAN MENTERI ADALAH MUKTAMAD

ss. 13A(1) – Apa-apa keputusan Menteri untuk menolak daripada memberikan atau untuk membatalkan atau menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad.

ss. 13A(2) – “keputusan” termasuklah apa-apa perintah atau arahan yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta ini.

## SEKSYEN 13B – HAK UNTUK DIDENGAR

Seseorang yang diberikan suatu lesen atau permit di bawah Akta ini hendaklah diberi suatu peluang untuk didengar sebelum suatu keputusan untuk membatalkan atau menggantung lesen atau permit itu dibuat di bawah subseksyen 3(3), 6(2) atau 13(1), mengikut mana-mana yang berkenaan.



# SEKSYEN 16 – WARAN GELEDAH

ss. 16(1) – Seseorang Majistret boleh mengeluarkan waran geledah yang memberi kuasa kepada pegawai kanan berkuasa untuk memasuki dan menggeledah mana-mana premis di mana disyaki dengan munasabahnya terdapat —

- (a) mesin cetak yang disimpan atau digunakan dengan melanggar seksyen 3;
- (b) apa-apa akhbar yang dicetak atau diimport atau diterbitkan dengan melanggar seksyen 5; atau
- (c) apa-apa hasil penerbitan larangan.

ss. 16(2) – Bila-bila masa didapati oleh mana-mana pegawai kanan berkuasa bahawa adanya alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa ada tersembunyi atau disimpan dalam mana-mana premis apa-apa hasil penerbitan larangan, dan bahawa oleh sebab kelambatan mendapatkan waran geledah yang menjadi tujuan geledah itu mungkin terkecewa, dia boleh memasuki dan menggeledah premis itu seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian mengikut suatu waran yang dikeluarkan dibawah subseksyen (1).

# SEKSYEN 17 – KUASA UNTUK MEMBUKA BUNGKUSAN

Mana-mana pegawai berkuasa boleh menahan, membuka dan memeriksa mana-mana bungkusan atau artikel yang disyakinya mengandungi apa-apa hasil penerbitan larangan atau apa-apa hasil penerbitan yang boleh dikenakan larangan di bawah ss. 7(1).

# SEKSYEN 19 – SEMUA BENDA YANG DISITA KENA DILUCUT HAK

ss. 19(1) – Semua hasil penerbitan dan makalah lain, selain daripada mesin cetak yang dilucut hak di bawah seksyen 3, yang disita dan ditahan di bawah seksyen 17 atau 18, sama ada atau tidak mana-mana orang dipertuduhkan atau disabitkan, boleh dibuat sesuatu mengenainya mengikut apa-apa cara sebagaimana diarahkan oleh mahkamah.

ss. 19(2) – Jika tidak ada pendakwaan berhubungan dengan mana-mana mesin cetak, hasil penerbitan atau makalah lain yang disita di bawah Akta ini, maka mesin cetak, hasil penerbitan atau makalah lain itu hendaklah dikira dan disifat dilucuthakkan apabila tamatnya tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian suatu notis bertulis tentang penyitaan itu melainkan jika suatu tuntutan mengenainya dibuat sebelum tarikh itu.

## SEKSYEN 20 – TANGKAPAN TANPA WARAN

Mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau dengan munasabahnyanya disyaki melakukan atau telah melakukan atau cuba melakukan atau mendapatkan atau bersubahat dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

# SEKSYEN 25 – PENGECUALIAN

ss. 25(1) – Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh meliputi hasil penerbitan atau membuat apa-apa dokumen atau majalah berkala oleh atau untuk Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun.

ss. 25(2) – Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam Warta mengecualikan mana-mana orang, mesin cetak atau hasil penerbitan daripada pemakaian semua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

SEKIAN DAN TERIMA KASIH..

## APRIL 2007 (BAHAGIAN C)

**Soalan:** Seorang Editor telah **menyiarkan satu berita** di dalam surat khabarnya yang dia tahu bahawa berita tersebut adalah **palsu**.

- (i) Adakah dia melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan?
- (ii) Bolehkah mana-mana pegawai polis memasuki syarikat editor tersebut dengan sebab munasabah untuk mempercayai bahawa ada siaran-siaran terlarang disimpan dalam syarikatnya?



# I) ADAKAH DIA TELAH MELAKUKAN APA-APA KESALAHAN DI BAWAH AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN?

Cara menjawab? – **ILAC**: Issue/Law/Application/Conclusion.

## ■ Contoh Jawapan:

### Issue:

Isu dalam situasi ini adalah sama ada penyunting (*editor*) tersebut melakukan kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan apabila dia menyiarkan berita di surat khabarnya yang diketahuinya adalah palsu.

### Law:

Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] memperuntukkan bahawa jika dalam apa-apa hasil penerbitan ada **disiarkan dengan niat jahat apa-apa berita yang tidak benar**, maka pencetak, penerbit, **penyunting** dan penulis berita itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

Subseksyen 8A(2) pula memperuntukkan bahawa seseorang itu dianggap ada niat jahat sekiranya tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa sebelum penerbitannya tertuduh telah mengambil langkah yang munasabah untuk menentusahkan kebenaran berita itu.

# I) ADAKAH DIA TELAH MELAKUKAN APA-APA KESALAHAN DI BAWAH AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN? (SAMB...)

Cara menjawab? – **ILAC**: Issue/Law/Application/Conclusion.

## ■ Contoh Jawapan:

### **Application:**

Dalam situasi ini, penyunting tersebut telah menyiarkan hasil penerbitan yang tidak benar, yang bertentangan dengan peruntukan di bawah subseksyen 8A(1). Tambahan pula, penyunting tersebut tahu bahawa berita yang disiarkannya itu adalah palsu. Oleh itu, dia dianggap mempunyai niat jahat untuk menerbitkan hasil penerbitan yang tidak benar, maka dia tidak boleh mengguna pakai peruntukan dalam subseksyen 8A(2) untuk membuktikan bahawa dia tidak mempunyai niat jahat.

### **Conclusion:**

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa penyunting tersebut telah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 8A(1) dan sekiranya disabitkan kesalahan, dia boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya.

## EDITOR TERSEBUT DENGAN SEBAB MUNASABAH UNTUK MEMPERCAYAI BAHAWA ADA SIARAN-SIARAN TERLARANG DISIMPAN DI DALAM SYARIKATNYA?

■ Cara menjawab? – ILAC: Issue/Law/Application/Conclusion.

### ■ Contoh Jawapan:

#### Issue:

Isu dalam situasi ini adalah sama ada mana-mana pegawai polis boleh memasuki syarikat penyunting tersebut dengan sebab munasabah untuk mempercayai bahawa ada siaran-siaran terlarang disimpan dalam syarikatnya.

#### Law:

Subseksyen 16(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] memperuntukkan bahawa pegawai kanan berkuasa boleh memasuki dan menggeledah mana-mana premis di mana disyaki dengan munasabahnyanya terdapat mesin cetak yang disimpan atau digunakan dengan melanggar seksyen 3, apa-apa akhbar yang dicetak atau diimport atau diterbitkan dengan melanggar seksyen 5; atau apa-apa hasil penerbitan larangan.

Subseksyen 16(2) Akta yang sama pula memperuntukkan bahawa bila-bila masa didapati oleh mana-mana pegawai kanan berkuasa bahawa adanya alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa ada tersembunyi atau disimpan dalam mana-mana premis apa-apa hasil penerbitan larangan, dan bahawa oleh sebab kelambatan mendapatkan waran geledah yang menjadi tujuan geledah itu mungkin terkecewa, dia boleh memasuki dan menggeledah premis itu seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian mengikut suatu waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

## EDITOR TERSEBUT DENGAN SEBAB MUNASABAH UNTUK MEMPERCAYAI BAHAWA ADA SIARAN-SIARAN TERLARANG DISIMPAN DI DALAM SYARIKATNYA? (SAMB...)

- Cara menjawab? – **ILAC: Issue/Law/Application/Conclusion.**

- **Contoh Jawapan:**

### **Application:**

Seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 16(1) Akta tersebut, sekiranya pegawai kanan berkuasa mengesyaki dengan munasabah bahawa terdapat hasil penerbitan larangan dalam sesebuah premis, dia boleh, dengan waran yang dikeluarkan oleh Majistret, memasuki dan menggeledah premis yang dipercayai mempunyai siaran-siaran penerbitan terlarang disimpan di dalamnya.

Pegawai kanan berkuasa tersebut juga boleh memasuki dan menggeledah premis yang dipercayai mempunyai hasil penerbitan terlarang sekiranya kelambatan mendapatkan waran mungkin akan menyebabkan tujuan penggeledahan itu terkecewa.

Walau bagaimanapun, tidak semua anggota polis boleh memasuki dan menggeledah premis tersebut. Hal ini kerana, bagi anggota polis, pegawai kanan berkuasa yang dimaksudkan ialah mana-mana pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta tersebut.

### **Conclusion:**

Oleh yang demikian, hanya pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa yang boleh memasuki syarikat penyunting tersebut sekiranya mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa ada siaran-siaran terlarang disimpan dalam syarikatnya, sama ada dengan waran atau tidak, selaras dengan seksyen 16 Akta.

## NOVEMBER 2006 (BAHAGIAN C)/ Q12 APRIL 2010

- **Soalan:** Dengan merujuk kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, bincangkan apakah kesalahan-kesalahan berhubung dengan mesin cetak dan penerbitan yang terdapat dalam Akta tersebut? (s. 4 & Jadual II)
- **Jawapan:** Kesalahan-kesalahan berhubung dengan mesin cetak dan penerbitan yang terdapat dalam Akta tersebut adalah dinyatakan di bawah s 4 & Jadual II seperti berikut:
  - Lucah
  - Mengandungi perkara ganas, pencabulan undang-undang
  - Melancung cap Kerajaan
  - Menjual dsb. Buku lucah, dsb.
  - Menyebabkan dsb. Ketakharmonian, perpecahan atau perasaan benci, marah, niat jahat atau memudaratkan dsb. Pengekalan keharmonian atau perpaduan atas alasan agama
  - Membuat dokumen palsu

# SOALAN NOVEMBER 2006 (BAHAGIAN C)/ Q12 APRIL 2010

## Jawapan (samb.):

- Pemalsuan rekod mahkamah, atau Daftar Beranak, dsb. Awam
- Pemalsuan cagaran berharga atau wasiat
- Pemalsuan bagi maksud menipu
- Pemalsuan bagi maksud merosakkan reputasi mana=mana orang
- Memalsu atau melancung wang kertas matawang atau wang kertas bank
- Fitnah
- Mencetak atau mengukir perkara yang diketahui memfitnahkan
- Mencetak apa-apa penerbitan menghasut
- Mencetak dokumen tegahan

## APRIL 2006 (BAHAGIAN C)

- **Soalan:**
- (a) Blair, seorang editor surat khabar, “The Moon”, dengan mengetahui suatu berita itu sebagai palsu telah menyiarkan berita tersebut dalam surat khabar berkenaan. Blair datang berjumpa anda dan bertanya sama ada dia bersalah atas apa-apa kesalahan.
- (b) Bolehkah Encik Black, seorang Penolong Penguasa Polis, yang mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa ada siaran terlarang yang disembunyikan di syarikat ABC, masuk dan menggeledah premis syarikat tersebut.



## NOV 2005 (BAHAGIAN C)

- **Soalan:**
- Dengan merujuk kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 -
- (a) Apakah kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan mesin cetak dan penerbitan; dan
- (b) Bolehkah anda, sebagai seorang Penolong Penguasa Polis, yang mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa ada siaran-siaran terlarang yang disembunyikan dalam Syarikat Puncak, masuk dan megeledah premis Syarikat tersebut?